

24/07/2001

Negara disaran wujudkan undang-undang e-dagang

MALAYSIA disaran mengorak langkah dan menerajui usaha mewujudkan undang-undang berkaitan perdagangan elektronik (e-dagang) yang seragam serta boleh diguna pakai di seluruh dunia.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata, tindakan itu bukan saja dapat membangunkan e-dagang di Malaysia, malah dapat melindungi kepentingan negara di peringkat antarabangsa.

"Undang-undang apakah yang boleh kita guna sekarang untuk melindungi kepentingan kita jika transaksi membabitkan negara lain," soalnya ketika membahaskan Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 di Dewan Rakyat semalam.

Ruhanie berkata, ketiadaan undang-undang itu turut membantutkan e-dagang di Malaysia kerana ramai peniaga atau pengguna masih tidak yakin dengan keselamatan transaksi menerusi Internet.

Beliau berkata, walaupun Malaysia mempelopori pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di rantau ini, negara ketinggalan berbanding Singapura dan Thailand yang sudah memiliki undang-undang transaksi elektronik.

"Malah, usaha seorang usahawan Melayu mewujudkan gerbang pembayaran elektronik yang canggih gagal kerana pengguna tidak yakin kerana ketiadaan undang-undang itu," katanya.

Ruhanie turut meminta kerajaan menjamin keselamatan transaksi elektronik serta kerahsiaan pengguna supaya sebarang maklumat mereka tidak terlepas atau dapat dicuri pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, beliau bimbang dengan tindakan kumpulan tertentu termasuk pihak asing yang jelas memusuhi kerajaan melakukan intipan terhadap segala transaksi Internet.

"Kesan perbuatan itu amat besar jika ia tidak ditangani dari sekarang. Saya bimbang satu hari nanti kita tidak ada kerahsiaan langsung," katanya.

Beliau turut membidas kementerian serta agensi kerajaan lain yang gagal memanfaatkan Internet sebagai saluran untuk menangkis dakwaan serta fitnah pihak pembangkang yang meracuni minda rakyat.

Katanya, kerajaan sepatutnya membanjiri alam siber dengan maklumat mengenai dasar serta jawapan bagi menyanggah dakwah pembangkang serta pihak tidak bertanggungjawab lain.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempelopori ICT di Malaysia tetapi pembangkang pula yang menggunakannya. Mengapa?" soal beliau.

(END)